

Soalan No: 81

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]****TARIKH : 26.7.2017****SOALAN :**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan mengapa Bon Pelaksanaan Bazlan Security tidak digunakan untuk membayar gaji 23 orang bekas pekerja Bazlan Security di Parit, Perak walaupun Mahkamah Buruh telah menyatakan mereka harus dibayar RM107,595 sebagai tunggakan gaji. Di manakah Bon Pelaksanaan yang dirampas oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa merujuk dan tertakluk kepada tatacara kewangan dalam menguruskan hal ehwal kewangan. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, setiap Bon Pelaksanaan yang dirampas akan dimasukkan ke dalam akaun hasil. Merujuk kepada Bon Pelaksanaan Bazlan Security, KPM hanya menerima pemakluman daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berhubung Perintah Larangan untuk menyalurkan Bon Pelaksanaan kepada JTK pada 12 Oktober, iaitu selepas Bon Pelaksanaan dirampas melalui surat bertarikh 5 Februari 2015.

RJM30